**Be U by Bank Islam**

Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur

03 2779 0088
@ beu.communitysupport@bankislam.com.my

# CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS / TERMA DAN SYARAT KEMPEN
## *Be U Ber-Kad Campaign* / Kempen *Ber-Kad Be U*

**Campaign Period: 7 November 2025 – 31 December 2025/**
**Tempoh Kempen: 7 November 2025 – 31 Disember 2025**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **IMPORTANT NOTICE:**<br><br>**CUSTOMER IS ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF BANK ISLAM'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.** | | | **NOTIS PENTING:**<br><br>**PELANGGAN ADALAH DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK ISLAM.** |
| **A** | **GENERAL TERMS AND CONDITIONS** | **A** | **TERMA DAN SYARAT AM** |
| **1.0** | **OVERVIEW** | **1.0** | **GAMBARAN KESELURUHAN** |
| 1.1 | a) The Terms and Conditions herein shall apply to **Be U *Ber-Kad* Campaign** issued by Bank Islam Malaysia Berhad ("**Bank Islam**").<br><br>b) The Campaign relates to the Be U Visa Debit Card-i, a payment instrument that allows customers to perform transactions directly from their Be U Qard Savings Account-*i* ("**Be U QSA**") at any participating retail, online, or service outlet worldwide. | 1.1 | a) Terma dan Syarat ini adalah terpakai untuk **Kempen *Ber-Kad* Be U** yang dikeluarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad ("**Bank Islam**").<br><br>b) Kempen ini berkaitan dengan Kad Debit-i Visa Be U. Kad Debit ini merupakan instrumen pembayaran yang membolehkan pelanggan menjalankan transaksi terus daripada Akaun Simpanan Qard Be U-i ("**Be U QSA**") mereka di mana-mana premis runcit, dalam talian, atau perkhidmatan yang mengambil bahagian di seluruh dunia. |
| **2.0** | **CAMPAIGN PERIOD** | **2.0** | **TEMPOH KEMPEN** |
| 2.1 | Bank Islam is organizing **Be U *Ber-Kad* Campaign** ("**Campaign**"). This Campaign will commence from 7th November 2025 to 31st December 2025 ("**Campaign Period**"). | 2.1 | Bank Islam sedang menganjurkan **Kempen *Ber-Kad* Be U** ("**Kempen**"). Kempen ini bermula dari 7 November 2025 sehingga 31 Disember 2025 ("**Tempoh Kempen**"). |
| **3.0** | **ELIGIBILITY CRITERIA AND PLATFORM** | **3.0** | **KRITERIA KELAYAKAN DAN PLATFOM** |
| 3.1 | This Campaign is open to the following eligible customers ("**Eligible Participant(s)**"):<br><br>a) Citizens of Malaysia;<br>b) Individuals who have attained the age of 18 years old;<br>c) Be U by Bank Islam application ("**Be U**") user; and<br>d) Existing or new Be U QSA account holders. For existing account holders, eligibility is subject to the conditions stated in Clause 4.1.<br><br>This Campaign is only available through the Be U by Bank Islam digital banking app ("**Be U**") on Apple and Android device during the Campaign Period. | 3.1 | Kempen ini terbuka kepada Pelanggan yang Layak seperti yang berikut ("**Peserta yang Layak**"):<br><br>a) Warganegara Malaysia;<br>b) Individu yang telah mencapai umur 18 tahun;<br>c) Pengguna aplikasi Be U by Bank Islam ("**Be U**"); dan<br>d) Pemegang Akaun Be U QSA sedia ada atau baharu. Bagi pemegang akaun sedia ada, kelayakan adalah tertakluk kepada syarat yang dinyatakan di Klausa 4.1.<br><br>Kempen ini hanya tersedia melalui aplikasi perbankan digital Be U oleh Bank Islam ("**Be U**") di peranti Apple dan Android sepanjang Tempoh Kempen. |
| 3.2 | Bank Islam staff are not eligible to enjoy the rewards offered under this Campaign. | 3.2 | Kakitangan Bank Islam adalah tidak layak untuk menikmati ganjaran yang ditawarkan di bawah Kempen ini. |
| **4.0** | **CAMPAIGN MECHANISM** | **4.0** | **MEKANISME KEMPEN** |
| 4.1 | To participate in this Campaign, the Eligible Participant must adhere the following conditions: | 4.1 | Bagi menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut: |

CONFIDENTIAL

**Be U by Bank Islam**
Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
03 2779 0088
@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



a) The Eligible Participant(s) must apply for the Be U Visa Debit Card-i ("**Be U Debit Card**") through the Be U app within the Campaign Period.
b) Only applications that are successfully approved by Bank Islam shall be deemed valid for participation under this Campaign.

c) This Campaign is applicable only for new issuance and reissuance of Be U Debit Cards, subject to Clauses 4.1(d) and 4.1(e). Renewal of existing Be U Debit Cards is not eligible for participation under this Campaign.

d) Customers who have cancelled their Be U Debit Card prior to the Campaign Period and subsequently reapply during the Campaign Period shall be deemed eligible to participate in this Campaign.

e) However, customers who cancel their Be U Debit Card during the Campaign Period and subsequently reapply within the same period shall not be eligible to participate in this Campaign.

f) Each approved Debit Card application shall be considered as one (1) eligible entry

g) Each Eligible Participant shall automatically be entitled to participate in all reward categories offered under this Campaign:
- Biweekly Draw
- Grand Finale Draw

The Prize categories and Campaign mechanics are stipulated in the table below:

| Prize Category | Quantity | Campaign Mechanics |
|---|---|---|
| Biweekly Draw | Four (4) sessions, Five (5) winners per session | • Four (4) Biweekly Draws will be conducted via TikTok Live throughout the Campaign Period.<br>• Each session will feature five (5) winners, each receiving RM100 credited via DuitNow Transfer.<br>• Each winner is only eligible to win once in the Biweekly Draw category.<br>• However, Biweekly winners remain eligible for the Grand Finale Draw. |

CONFIDENTIAL

a) Peserta yang Layak hendaklah memohon Kad Debit-i Visa Be U ("**Kad Debit Be U**") melalui aplikasi Be U dalam Tempoh Kempen.
b) Hanya permohonan yang berjaya dan diluluskan oleh Bank Islam akan dianggap sah untuk penyertaan di bawah Kempen ini.

c) Kempen ini hanya terbuka kepada permohonan baharu dan permohonan semula Kad Debit Be U, tertakluk kepada Klausa 4.1(d) dan 4.1(e). Pembaharuan kad sedia ada tidak layak untuk menyertai kempen ini.

d) Pelanggan yang telah membatalkan Kad Debit Be U mereka sebelum Tempoh Kempen dan memohon semula semasa Tempoh Kempen akan dianggap layak untuk menyertai Kempen ini.

e) Walaubagaimanapun, Pelanggan yang membatalkan Kad Debit Be U mereka semasa Tempoh Kempen dan memohon semula dalam tempoh yang sama tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

f) Setiap permohonan Kad Debit yang diluluskan akan dikira sebagai satu (1) penyertaan layak.

g) Setiap Peserta yang Layak secara automatik berhak untuk menyertai semua kategori ganjaran yang ditawarkan di bawah Kempen ini, iaitu:
- Cabutan Dwi-Mingguan
- Cabutan Akhir Utama

Kategori Hadiah serta Mekanisme Kempen diperincikan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

| Kategori Hadiah | Kuantiti | Kempen Mekanik |
|---|---|---|
| Cabutan Dwi-Mingguan | Empat (4) Sesi, Lima (5) Pemenang bagi Setiap Sesi | • Empat (4) Cabutan Dwi-Mingguan akan dijalankan melalui TikTok Live sepanjang Tempoh Kempen.<br>• Setiap sesi akan menampilkan lima (5) pemenang, dengan setiap pemenang menerima RM100 yang akan dikreditkan melalui Pemindahan DuitNow.<br>• Setiap pemenang hanya layak menang sekali sahaja dalam kategori Cabutan Dwi-Mingguan.<br>• Walau bagaimanapun, pemenang Cabutan Dwi- |

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| Grand Finale Draw | One (1) session, Four (4) winners) | • The Grand Finale Draw will be conducted live during the final TikTok Live session, which will take place after the Campaign Period has ended.<br><br>• Four (4) winners will be selected and announced publicly in accordance with the Campaign Terms and Conditions.<br><br>• Prizes for the Grand Finale Draw are as follows:<br>1st Prize: **Thermomix TM7**<br>2nd Prize:**DJI Osmo Pocket 3**<br>3rd Prize: **PS5 Slim**<br>4th Prize: **Garmin Venu 4**<br><br>• Prize-giving arrangements will be made directly with the respective winners. |

**Note:**
Participants are not required to have a TikTok account to participate in this Campaign.

Winners who do not view the live session will still be notified through official communication channels as stated in Section 7.0 (Reward Redemption).

| | | |
|---|---|---|
| | | Mingguan masih layak untuk menyertai Cabutan Akhir Utama. |
| Cabutan Akhir Utama | Satu (1) Sesi, Empat (4) Pemenang | • Cabutan Akhir Utama akan dijalankan secara langsung semasa sesi TikTok Live terakhir yang akan diadakan selepas Tempoh Kempen berakhir.<br><br>• Sebanyak empat (4) pemenang akan dipilih dan diumumkan kepada umum selaras dengan Terma dan Syarat Kempen.<br><br>• Hadiah bagi Cabutan Akhir Utama adalah seperti berikut:<br>Hadiah Pertama: **Thermomix TM7**<br>Hadiah Kedua: **DJI Osmo Pocket 3**<br>Hadiah Ketiga: **PS5 Slim**<br>Hadiah Keempat: **Garmin Venu 4**<br><br>• Pengaturan penyampaian hadiah akan dibuat secara terus dengan pemenang masing-masing. |

**Nota:**
Peserta tidak perlu mempunyai akaun TikTok untuk menyertai Kempen ini.

Pemenang yang tidak menonton sesi siaran langsung masih akan dimaklumkan melalui saluran komunikasi rasmi seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 7.0 (Tebus Ganjaran).

CONFIDENTIAL

**5.0 CAMPAIGN RULES**

5.1 a) Eligible Participants must hold and maintain an active Be U QSA throughout the Campaign Period for rewards to be credited or prizes to be redeemed. For the purpose of this Campaign, an “active account” refers to one that is operational, with no restrictions or freezes, and can receive funds. If the Be U QSA account becomes inactive, frozen, or restricted during the Campaign Period, any earned rewards will be forfeited.

**5.0 PERATURAN KEMPEN**

5.1 a) Peserta yang Layak mestilah mempunyai Akaun Be U QSA yang aktif sepanjang Tempoh Kempen bagi tujuan pengkreditan ganjaran atau penebusan hadiah. Bagi tujuan Kempen ini, “akaun aktif” merujuk kepada akaun yang beroperasi seperti biasa, tanpa sebarang sekatan atau pembekuan, dan boleh menerima dana. Jika akaun Be U QSA tidak aktif, dibekukan atau disekat sepanjang Tempoh Kempen, sebarang ganjaran yang diperoleh akan dibatalkan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| | b) Applications that are incomplete, rejected, or submitted outside of the Campaign Period shall not be considered.<br><br>c) Bank Islam reserves the right to disqualify any entry for the Campaign under the following circumstances:<br><br>i. The Eligible Participant fails to comply with any of these Terms & Conditions.<br><br>ii. The Eligible Participant does not accept any amendments to these Terms & Conditions after being duly notified;<br><br>iii. The Eligible Participant's Be U QSA account has been instructed by authorities or any law enforcement agencies to be restricted, suspended, or frozen;<br><br>iv. Any other events that, in the reasonable opinion of Bank Islam, affects the eligibility, integrity or fairness of the Campaign.<br><br>In any of the above circumstances, Bank Islam will notify the affected participant through e-mail, push notification, social media, or via Be U by Bank Islam official website at www.getbeu.com | | b) Sebarang permohonan yang tidak lengkap, ditolak, atau dihantar di luar Tempoh Kempen tidak akan dipertimbangkan.<br><br>c) Bank Islam berhak untul membatalkan sebarang penyertaan dalam Kempen sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:<br>i. Peserta yang Layak gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan.<br><br>ii. Peserta yang Layak tidak menerima sebarang perubahan dan pindaan kepada Terma dan Syarat ini selepas dimaklumkan dengan sewajarnya;<br><br>iii. Akaun Be U QSA milik Peserta yang Layak telah diarahkan oleh pihak berkuasa atau mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang untuk dihadkan, digantung, atau dibekukan;<br><br>iv. Sebarang peristiwa lain yang pada pandangan munasabah Bank Islam, boleh menjejaskan kelayakan, integriti atau keadilan Kempen ini.<br><br>Dalam mana-mana keadaan di atas, Bank Islam akan memaklumkan peserta yang terlibat melalui e-mel, notifikasi tolak (push notification), media sosial, atau laman sesawang rasmi Be U oleh Bank Islam di www.getbeu.com |
| **6.0** | **WINNER SELECTION PROCESS** | **6.0** | **PROSES PEMILIHAN PEMENANG** |
| 6.1 | a) Upon successful approval of the Be U Debit Card application, the names of all Eligible Participants will be extracted from Bank Islam's internal records. Bank Islam shall maintain true and accurate records of all approved Debit Card applications under this Campaign, and the selection of winners shall be based solely on these records. Each Eligible Participant will be assigned a unique identification number ("**Unique ID**") for the purpose of the draw.<br><br>b) Unique IDs will be entered into a Be U Draw Engine to conduct the Biweekly and Grand Finale Draws. The draw will be conducted live via TikTok Live and monitored by Be U representatives to ensure transparency.<br><br>c) Random Unique IDs will be selected during each live session. Each selected Unique ID will be mapped back to the corresponding participant's name for announcement.<br><br>d) The winners' names (full name + masked ID) will be announced during the TikTok Live sessions and may subsequently be published on Be U's official channels, including the Be U app and social media platforms. | 6.1 | a) Setelah permohonan Kad Debit Be U diluluskan, nama semua Peserta Layak akan diekstrak daripada rekod dalaman Bank Islam. Bank Islam akan menyimpan rekod yang tepat dan sah bagi semua permohonan Kad Debit yang diluluskan di bawah Kempen ini, dan pemilihan pemenang akan dibuat berdasarkan rekod tersebut semata-mata. Setiap Peserta Layak akan diberikan nombor pengenalan unik ("**Nombor Pengenalan Unik**") bagi tujuan cabutan.<br><br>b) Nombor Pengenalan Unik akan dimasukkan ke dalam enjin cabutan Be U bagi melaksanakan Cabutan Dwimingguan dan Cabutan Akhir Utama. Cabutan akan dijalankan secara langsung melalui TikTok Live dan dipantau oleh wakil Be U bagi memastikan ketelusan proses.<br><br>c) Nombor Pengenalan Unik akan dipilih secara rawak semasa setiap sesi langsung. Setiap Nombor Pengenalan Unik yang dipilih akan dipadankan semula dengan nama peserta yang berkenaan untuk tujuan pengumuman.<br><br>d) Nama pemenang (nama penuh + ID yang disamarkan) akan diumumkan semasa sesi TikTok Live dan akan |

CONFIDENTIAL

| | | | |
|---|---|---|---|
| | e) All selected winners are subject to verification of eligibility, account status, and compliance with campaign requirements.<br><br>f) If any selected winner is found to be ineligible (e.g. Bank Islam employee, inactive/frozen account, duplicate entry), Bank Islam reserves the right to disqualify the winner and redraw another participant. | | disiarkan di saluran rasmi Be U, termasuk aplikasi Be U dan platform media sosial.<br><br>e) Pemenang yang dipilih tertakluk kepada proses pengesahan kelayakan, status akaun, dan pematuhan kepada keperluan kempen.<br><br>f) Sekiranya pemenang yang dipilih didapati tidak layak (contohnya kakitangan Bank Islam, akaun tidak aktif atau dibekukan, atau penyertaan berganda), Bank Islam berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang tersebut dan melaksanakan cabutan semula bagi menggantikan peserta lain. |
| **7.0** | **REWARD REDEMPTION** | **7.0** | **TEBUSAN GANJARAN** |
| 7.1 | a) For Biweekly Draw Reward category, the winners will be notified via phone call/email within fourteen (14) working days after each draw announcement. The Biweekly Draw Reward of RM100 will be credited into the selected winner's Be U QSA account within fourteen (14) working days from the date of the notification.<br><br>b) For the Grand Finale Draw category, the winner will be notified via phone call/ Email within thirty (30) days after the Campaign has ended. The winner will also be contacted by Bank Islam for Prize redemption arrangement.<br><br>c) Visual(s) of the Grand Prize shown in any advertisement, promotional publicity, and other materials relating to this Campaign are solely for illustration purposes only and may not depict the actual colour of the Grand Prize.<br><br>d) If the Prize is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the Prize for any item of equivalent value or with any other items whichever the Bank deems appropriate upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all Prize winner(s) from the date Prize winner announcement is scheduled to be made by the Bank. The mode of notifications will be in electronic means via Be U website, Be U app or Be U social media.<br><br>e) The Prize is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Prize winners must accept the Prize "as it is" and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the Prizes due to the variation of prices in the market during the Prizes redemption/ collection by them at the time stipulated by the Bank.<br><br>f) The selected winners are solely responsible for the claim and collection of the Prize at a designated | 7.1 | a) Bagi kategori Cabutan Dwi-Mingguan, pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon/ emel dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja selepas pengumuman setiap cabutan. Ganjaran Cabutan Dwi-Mingguan sebanyak RM100 akan dikreditkan ke dalam akaun Be U QSA pemenang yang terpilih dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh pemakluman.<br><br>b) Bagi kategori Cabutan Akhir Utama, pemenang akan dimaklumkan melalui panggilan telefon /aplikasi Be U dalam masa tiga puluh (30) hari selepas Kempen tamat. Pemenang juga akan dihubungi oleh Bank Islam untuk urusan penebusan Hadiah.<br><br>c) Visual Hadiah Utama yang ditunjukkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi, dan bahan lain yang berkaitan dengan promosi ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak memberi gambaran sebenar Hadiah Utama.<br><br>d) Sekiranya Hadiah tidak tersedia atas apa jua sebab, Bank berhak menggantikan Hadiah dengan sebarang item yang sama nilai atau mana-mana item lain yang dianggap sesuai oleh Bank setelah Bank memberikan notis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari kepada semua pemenang dari tarikh pengumuman pemenang Hadiah dibuat oleh Bank. Pemberitahuan akan dilakukan secara elektronik melalui laman web Be U, aplikasi Be U, atau media sosial Be U.<br><br>e) Hadiah tidak boleh ditebus atau ditukar dengan mana-mana item lain atau wang tunai. Pemenang Hadiah mesti menerima Hadiah "seadanya" dan bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap nilai Hadiah akibat variasi harga di pasaran semasa penebusan/koleksi Hadiah oleh mereka pada masa yang ditetapkan oleh Bank.<br><br>f) Pemenang terpilih bertanggungjawab sepenuhnya untuk menebus dan menuntut hadiah di lokasi, tarikh dan masa penebusan yang ditentukan oleh pihak |

CONFIDENTIAL

| | | | |
|---|---|---|---|
| | redemption venue, date and time determined by the Bank. The selected winners may authorize another individual to collect the Prize on their behalf, provided that the authorized person presents a valid authorization letter and proof of identification of both the winner and the authorized person at the point of redemption<br><br>g) The Bank shall not be liable for any loss, damage, or defect to the Prize after it has been collected, whether by the winner or the authorized representative.<br><br>h) The Bank will not bear the transportation costs for the collection or delivery of the Grand Prize. The Bank and its officers will not be held liable for any misinterpretation, injury, loss of life, or damage to valuable items resulting from the Prize won, or during the journey to and from collecting the Prize. The Bank will also not be responsible for any loss or injury experienced by the winner in relation to their participation in the Campaign or the use of the Prize. Furthermore, Bank Islam will not be liable for any circumstances beyond its control in connection with this product. The Bank's liability is limited to what is permitted by law.<br><br>i) In the event, for whatever reason, the selected winner is unable to collect or accept the Grand Prize within thirty (30) days upon being notified, the selected winner forfeits all claims to the Grand Prize. Bank Islam reserves the right to select an alternate winner or take other appropriate action at its discretion.<br><br>j) No substitution or replacement of, or modification to the prize requested by the selected winners will be permitted.<br><br>In compliance with the Personal Data Protection Act ("**PDPA**") 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. Winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank for publicity purposes | | Bank. Pemenang yang terpilih boleh memberi kuasa kepada individu lain untuk menebus hadiah bagi pihak mereka, dengan syarat individu yang diberi kuasa mengemukakan surat kebenaran yang sah serta bukti pengenalan diri bagi pemenang dan individu yang diberi kuasa semasa penebusan Hadiah.<br><br>g) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecacatan pada Hadiah setelah ia ditebus, sama ada oleh pemenang sendiri atau wakil yang diberi kuasa.<br>h) Bank tidak akan menanggung kos pengangkutan untuk pengambilan atau penghantaran Hadiah Utama. Bank dan pegawainya tidak akan bertanggungjawab atas sebarang salah tafsir, kecederaan, kehilangan nyawa, atau kerosakan barang berharga akibat Hadiah yang dimenangi, atau semasa perjalanan pergi dan pulang dari. mengambil hadiah. Bank juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kecederaan yang dialami pemenang berkaitan penyertaan dalam Kempen atau penggunaan Hadiah. Selain itu, Bank Islam tidak bertanggungjawab atas sebarang keadaan di luar kawalan mereka berkaitan produk ini. Tanggungjawab adalah terhad kepada had yang dibenarkan oleh undang-undang.<br><br>i) Sekiranya, atas apa jua sebab, pemenang terpilih tidak dapat mengambil atau menerima Hadiah Utama, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas dimaklumkan, pemenang terpilih akan kehilangan semua tuntutan terhadap Hadiah Utama. Bank Islam berhak memilih pemenang lain atau mengambil tindakan yang bersesuaian mengikut budi bicara.<br><br>j) Sebarang penggantian atau pengubahsuaian terhadap hadiah yang diminta oleh pemenang terpilih tidak akan dibenarkan<br><br>Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi ("**PDPA**") 2010, Bank akan melindungi data peribadi pelanggan. Pemenang perlu bersetuju dan memberi kebenaran bahawa nama dan gambar mereka boleh diterbitkan dalam mana-mana media yang dipilih oleh Bank untuk tujuan publisiti. |
| **8.0** | **GENERAL CONDITIONS** | **8.0** | **SYARAT AM** |
| 8.1 | Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of Bank Islam's Campaigns and / or promotions. | 8.1 | Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai sebarang Kempen dan/atau promosi Bank Islam. |
| 8.2 | Bank Islam reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend this Campaign by providing sufficient notice not less than twenty-one (21) days prior to the date of amendment, cancellation, termination, or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Be U by Bank Islam's official website. | 8.2 | Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan, atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang mencukupi tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan. Cara pemberitahuan boleh dibuat secara bertulis, melalui cara |

CONFIDENTIAL

**Be U by Bank Islam**
Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
03 2779 0088
@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



| | | | |
|---|---|---|---|
| | For the avoidance of doubt, cancellation, termination, or suspension by the Bank Islam of this Campaign shall not entitle the customers who participate in this Campaign to any claim or compensation against Bank Islam for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination, or suspension. | | elektronik atau paparan notis di laman web rasmi Be U by Bank Islam.<br>Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank Islam, Kempen ini tidak akan memberi hak kepada pelanggan yang menyertai Kempen ini atas sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung secara langsung dan tidak langsung hasil daripada tindakan pembatalan, penamatan atau penggantungan. |
| 8.3 | To participate in our Campaign, the Participant shall fulfill all requirements stated under the Eligibility Criteria, Campaign Mechanism, and Campaign Rules, Winner Selection Process and Reward Redemption section as stated above. Unless stated otherwise by Bank Islam, the Participant is not required to sign up to participate in this Campaign. | 8.3 | Untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Peserta mesti memenuhi semua keperluan yang dinyatakan dibawah bahagian Kriteria Kelayakan, Mekanisma Kempen, Peraturan Kempen, Proses Pemilihan Pemenang dan Penebusan Ganjaran seperti yang tertakluk di atas. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Peserta tidak perlu melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini. |
| 8.4 | By participating in this Campaign, the Eligible Participant:<br><br>a) shall give consent for Bank Islam to disclose their personal data to Bank Islam's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign in accordance with Personal Data Protection Act 2010 and Bank Islam's Privacy Notice.<br><br>b) shall agree for Bank Islam to publish or display their names or photos in TikTok Live session, other social media, marketing, or the Bank's Website for the purpose of this Campaign (where applicable); and<br><br>c) agree to Bank Islam's decision on all matters relating to this Campaign and any reward shall be final, conclusive, and binding on all customers and/or Eligible Participants, and no further correspondence and/or appeal to dispute Bank Islam's decision shall be entertained. | 8.4 | Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:<br><br>a) akan membenarkan pihak Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini tertakluk kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi Bank Islam;<br><br>b) akan bersetuju untuk pihak Bank Islam menerbitkan atau memaparkan namanya atau gambar-gambar di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen ini (mana-mana yang terpakai); dan<br><br>c) akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, apa-apa pulangan tunai adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua pelanggan dan/atau Peserta yang Layak, dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan. |
| 8.5 | Save and except where it is directly attributable to Bank Islam's officers', employees' and agents' ("**Authorised Representatives**") gross negligence, willful default and/or fraud, Bank Islam and the Authorised Representatives shall not be liable for the following:<br><br>a) any misinterpretation on facts, and/or inflicted injuries and/or loss of lives and/or valuables resulting from the reward won through this Campaign;<br><br>b) any loss and damage or for any personal injury and/or whatsoever suffered or sustained by the Participant in connection with this Campaign whether their participation in this Campaign or the receipt or use of | 8.5 | Melainkan ianya secara langsung berpunca daripada kecuaian, keingkaran yang disengajakan dan/atau penipuan Bank Islam, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat ("**Wakil Sah**"), Bank Islam dan Wakil Sah yang terlibat tidak akan bertanggungjawab seperti berikut:<br><br>a) sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/ atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan ganjaran yang dimenangi menerusi Kempen ini;<br><br>b) sebarang kerugian dan kerosakan atau sebarang kecederaan peribadi dan/atau apa-apa jua yang |

CONFIDENTIAL

**Be U by Bank Islam**
Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
03 2779 0088
@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



<table>
<tr><td></td><td>any of the reward, except for any liability which cannot be excluded by law; and<br><br>c) any matters beyond Bank Islam's control with regards to this Campaign or anything related thereto.</td><td></td><td>dialami atau ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Kempen ini sama ada penyertaan mereka dalam Kempen ini atau penerimaan atau penggunaan mana- mana ganjaran, kecuali bagi apa-apa liabiliti yang tidak boleh dikecualikan oleh undang-undang; dan<br>c) segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini,</td></tr>
<tr><td>8.6</td><td>The Campaign Terms & Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to the Terms & Conditions for the product, Be U QSA Account ("Product Terms & Conditions"). In the event of any inconsistency between the Campaign Terms & Conditions and the Product Terms & Conditions, then this Campaign Terms & Conditions shall prevail with regards to this Campaign.</td><td>8.6</td><td>Terma & Syarat Kempen di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma & Syarat bagi produk, Akaun Be U QSA ("Terma & Syarat Produk"). Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten antara Terma & Syarat Kempen dan Terma & Syarat Produk, maka Terma & Syarat Kempen akan diguna pakai untuk hal yang berkaitan dengan Kempen ini.</td></tr>
<tr><td>8.7</td><td>The Participant is advised to access Be U by Bank Islam official website www.getbeu.com from time to time to view the Terms & Conditions and to ensure to be kept up-to-date on any change or variation to the terms and conditions thereof.</td><td>8.7</td><td>Peserta dinasihatkan untuk melayari laman web rasmi Be U by Bank Islam www.getbeu.com dari semasa ke semasa untuk melihat Terma & Syarat dan memastikan mereka sentiasa dimaklumkan tentang sebarang perubahan atau variasi kepada terma dan syarat tersebut.</td></tr>
<tr><td>8.8</td><td>The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the Customer agrees to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.<br><br>If the Participant wishes to make any queries, lodge a report or complaint on the Campaign, the Customer may contact Be U by Bank Islam at:<br><br>Be U Community Support<br>• Contact Us form on Be U app<br>• Telephone: 03 2779 0088<br><br>Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my</td><td>8.8</td><td>Semua Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan pelanggan dan/atau Pelangan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.<br><br>Jika Peserta mempunyai sebarang pertanyaan atau ingin membuat aduan terhadap produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Be U, Pelanggan boleh menghubungi Be U by Bank Islam di:<br>Be U Community Support<br>• Borang "Contact Us" di Be U app<br>• Telefon: 03 2779 0088<br><br>Email: beu.communitysupport@bankislam.com.my</td></tr>
<tr><td>9.0</td><td>APPENDIX</td><td>9.0</td><td>LAMPIRAN</td></tr>
<tr><td>9.1</td><td>Example of Participant's eligibility are as per illustration below:<br><br><u>Participant Eligibility</u><br><table><tr><th>Participant Activity</th><th>Eligibility Status</th></tr><tr><td colspan="2">Campaign Period: 1November 2025- 31December 2025</td></tr><tr><td><u>02/11/2023:</u><br>Ali registered for a Be U QSA account.<br><br><u>02/11/2025:</u><br>Ali, an existing Be U customer without a Be U Debit Card, applies for a Be U Debit Card during the Campaign Period and is successfully approved.</td><td>Eligible</td></tr><tr><td><u>10/07/2025:</u></td><td>Eligible</td></tr></table></td><td>9.1</td><td>Contoh kelayakan Peserta adalah seperti ilustrasi di bawah:<br><br><u>Kelayakan Peserta</u><br><table><tr><th>Aktiviti Peserta</th><th>Status Kelayakan</th></tr><tr><td colspan="2">Tempoh Kempen: 1 November 2025 – 31 Disember 2025</td></tr><tr><td><u>02/11/2023:</u><br>Ali mendaftar akaun Be U QSA.<br><br><u>02/11/2025:</u><br>Ali, pelanggan Be U sedia ada tanpa Kad Debit Be U, memohon Kad Debit Be U semasa tempoh Kempen dan permohonan diluluskan.</td><td>Layak</td></tr><tr><td><u>10/07/2025:</u></td><td>Layak</td></tr></table></td></tr>
</table>

CONFIDENTIAL

| | |
|---|---|
| Siti cancelled her Be U Debit Card (before Campaign) and ;<br><br>**07/11/2025:**<br>Reapplied during the Campaign Period. | |
| **10/11/2025:**<br>Kumar cancels his Be U Debit Card (during Campaign) and;<br><br>**07/12/2025:**<br>Reapplies within the same Campaign Period. | **Not Eligible** |

| | |
|---|---|
| Siti membatalkan Kad Debit Be U sebelum Kempen;<br><br>**07/11/2025:**<br>Siti memohon semula Kad Debit Be U semasa Kempen | |
| **10/11/2025:**<br>Kumar membatalkan Kad Debit Be U semasa Kempen;<br><br>**07/12/2025:**<br>Kumar memohon semula Kad Debit Be U dalam Tempoh Kempen yang sama | **Tidak Layak** |

**Example of Participant Rewards**

| Activity | Reward | Remark |
|---|---|---|
| Ali wins the First Biweekly Draw | Biweekly Draw – RM100 | ✓ Eligible. Can only win once per Biweekly Draw session |
| Ali Participates in Grand Finale Draw | Grand Finale Draw | ✓ Eligible. Biweekly win does not affect Grand Finale eligibility |

**Contoh Ganjaran untuk Peserta**

| Aktiviti | Ganjaran | Catatan |
|---|---|---|
| Ali menang Cabutan Dwi Mingguan Pertama | Cabutan Dwi-Mingguan – RM100 | Boleh menang sekali sahaja setiap sesi Cabutan Dwi-Mingguan |
| Ali menyertai Cabutan Hadiah Utama | Cabutan Hadiah Utama | Layak – kemenangan Dwi Mingguan tidak menjejaskan kelayakan Cabutan Hadiah Utama. |

CONFIDENTIAL

**10.0 SECURITY REMINDER**

**10.0 PERINGATAN KESELAMATAN**

**Be U by Bank Islam**
Menara Bank Islam
22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur
03 2779 0088
@ beu.communitysupport@bankislam.com.my



| | | | |
|---|---|---|---|
| 10.1 | **SAFETY ALERT:**<br>i. All Customers are reminded that Bank Islam will never send clickable links in communications.<br>ii. Do not click on any links purportedly related to the campaign or Be U. Customers shall only initiate actions directly within the Be U app.<br>iii. Be U by Bank Islam shall only contact customers via the following methods:<br>1. Push notification via Be U app; or<br>2. Email from hello@getbeu.com or beu.communitysupport@bankislam.com.my;<br>3. Phone call from 03-2779 0088 or 03-8687 8395; or<br>4. Announcement on Be U by Bank Islam official website www.getbeu.com; or<br>5. Announcement on Be U by Bank Islam official social media accounts @getbeu.<br><br>**DOWNLOAD CAUTION:**<br>i. DO NOT DOWNLOAD BE U APP FROM ANY LINK PROVIDED OUTSIDE OF OFFICIAL APP STORES.<br>ii. PARTICIPANTS ARE CAUTIONED AGAINST DOWNLOADING THE APP FROM ANY OTHER SOURCE. | 10.1 | **AMARAN KESELAMATAN:**<br>i. Semua pelanggan adalah diingatkan bahawa Bank Islam tidak akan menghantar pautan yang boleh diklik dalam komunikasi.<br>ii. Jangan klik pada mana-mana pautan yang kononnya berkaitan dengan kempen ini atau Be U. Pelanggan hendaklah bertindak secara terus dalam aplikasi Be U.<br>iii. Be U by Bank Islam hanya akan menghubungi pelanggan melalui:<br>1. Paparan notifikasi melalui aplikasi Be U; atau<br>2. Emel daripada hello@getbeu.com atau beu.communitysupport@bankislam.com.my; atau<br>3. Panggilan telefon daripada 03-2779 0088 atau 03-8687 8395; atau<br>4. Pengumuman di laman web rasmi Be U by Bank Islam www.getbeu.com; atau<br>5. Pengumuman di akaun media sosial rasmi Be U by Bank Islam @getbeu.<br><br>**AMARAN MUAT TURUN:**<br>i. JANGAN MUAT TURUN APLIKASI BE U DARIPADA MANA-MANA PAUTAN YANG DISEDIAKAN DI LUAR GEDUNG APLIKASI RASMI.<br>ii. PESERTA DIBERI AMARAN SUPAYA TIDAK MEMUAT TURUN APLIKASI DARIPADA MANA-MANA SUMBER LAIN. |

**-- END OF DOCUMENT --**

CONFIDENTIAL